

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID (KAPAR)**

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kementerian berminat memperkenalkan sistem kuota pekerja asing mengikut tahap kemahiran dan skala perusahaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar semasa Kerajaan mengenai penggajian pekerja ialah memberi keutamaan pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing khususnya pekerja asing kurang mahir.

2. Berhubung pengambilan pekerja asing, pada masa ini, perbincangan sedang dibuat bagi sektor pembinaan akan cadangan pelaksanaan penilaian kompetensi kemahiran terhadap pekerja binaan asing di negara sumber. Ini adalah bertujuan untuk memastikan calon pekerja asing memiliki kemahiran asas sebelum dibenarkan masuk bekerja ke Malaysia. Inisiatif ini merupakan satu proses saringan dalam memastikan hanya mereka yang memenuhi kelayakan dan kriteria yang tertentu sahaja dibenarkan bekerja di dalam sektor pembinaan.